



PELABUHAN KEMAMAN
MALAYSIA

LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN
Teluk Kalong, Peti Surat 66,
24000 Kemaman,
Terengganu Darul Iman, Malaysia.
Tel : 609-5858000 Faks : 09-5833866
E-Mel : lpktn@lpktn.gov.my
Laman Web : www.lpktn.gov.my

Tarikh / Date : 20 Mac 2020
Fail / File : LPKmn/427-OK/M/04/02 (68)

Kepada : Semua Pengguna Pelabuhan
To : *All Port Users*

PEKELILING PELABUHAN BIL.04/2020
PORT CIRCULAR NO.04/2020

KEMASKINI KESIAPSIAGAAN BAGI MENGHADAPI POTENSI PENULARAN WABAK JANGKITAN COVID-19 DI PELABUHAN KEMAMAN **LATEST UPDATE ON THE PREPAREDNESS IN DEALING WITH POTENTIAL TRANSMISSION OF COVID-19 IN KEMAMAN PORT**

Dilampirkan adalah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengendali dan pengguna pelabuhan bagi menghadapi potensi penularan wabak jangkitan **Covid-19** di Pelabuhan Kemaman. *Attached herewith are the measures to be taken by the port operator and users in dealing with potential transmission of **Covid-19** in Kemaman Port.*

Sekian, terima kasih.

Thank you.

DATO' KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kemaman / *Kemaman Port Authority*

KEMASKINI KESIAPSIAGAAN BAGI MENGHADAPI POTENSI PENULARAN WABAK JANGKITAN COVID-19 DI PELABUHAN KEMAMAN

- 1) Ejen perkapalan hendaklah membuat pemakluman pra ketibaan bagi kapal yang mempunyai rekod persinggahan dalam masa 14 hari dari tarikh tiba di Pelabuhan Kemaman di pelabuhan China, Itali, Korea Selatan, Iran, Jepun atau **mana-mana negara yang diisytihar berisiko dari masa ke semasa oleh Kerajaan Malaysia**, kepada Pegawai Perubatan Pelabuhan Kemaman sekurang-kurangnya 48 jam sebelum ketibaan ke Pelabuhan Kemaman.
- 2) Kapal berkenaan akan melalui proses saringan kesihatan **di labuhan atau di dermaga** mengikut keperluan oleh Pegawai Perubatan **sebelum sebarang operasi di dermaga dilaksanakan**.
- 3) Anak kapal termasuk mereka yang telah disaring **tidak dibenarkan** turun daripada kapal tanpa kebenaran daripada Pegawai Perubatan dan pihak berkuasa semasa kapal berada di dermaga. Permohonan untuk tujuan ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Perubatan, Jabatan Laut Malaysia dan pihak berkuasa pada waktu yang telah ditetapkan.
- 4) Petugas Polis Bantuan Pelabuhan Kemaman dikehendaki memastikan **tiada anak kapal** yang daftar masuk, daftar keluar atau cuti pelabuhan yang melalui pintu masuk Pelabuhan Kemaman kecuali mendapat kebenaran dari Pegawai Perubatan, Jabatan Laut Malaysia dan pihak berkuasa yang berkaitan.
- 5) Bagi pekerja di luar pesisir seperti di pelantar minyak, Floating Storage and Offloading (FSO), Floating, Production, Storage and Offloading (FPSO) atau seumpamanya wajib menjalani **saringan suhu badan** sebelum dibenarkan melepasi pintu masuk Pelabuhan Kemaman atau terminal berkaitan serta tertakluk kepada kebenaran dari Jabatan Imigresen Malaysia, Pegawai Perubatan dan pihak berkuasa yang berkaitan.
- 6) Semua pihak yang terlibat dengan aktiviti di pelabuhan ditegaskan supaya mengikuti **langkah-langkah penjagaan kesihatan** yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

LATEST UPDATE ON THE PREPAREDNESS IN DEALING WITH POTENTIAL TRANSMISSION OF COVID-19 IN KEMAMAN PORT

- 1) *Shipping agent shall advise pre-arrival of vessel having a record of visit within 14 days from the date of arrival at Kemaman Port in the port of China, Italy, South Korea, Iran, Japan or any other countries declared at risk from time to time by the Government of Malaysia, to the Medical Officer of Kemaman Port at least 48 hours before arrival to Kemaman Port.*
- 2) *The vessel will undergo a health screening process **at the anchorage or at berth** as required by the Medical Officer **before any operations at the berth**.*
- 3) *The ship crews including those who have been screened are **not allowed** to disembark without permission from the Medical Officer and authorities when the vessel is at berth. Application for this purpose shall be submitted to the Medical Officer, Malaysia Marine Department and authorities within the specified time.*
- 4) *The Kemaman Port Auxiliary Police shall ensure that **no ship crews** sign-on, sign-off or shore leave through Kemaman Port entrance except with the permission of the Medical Officer, Malaysia Marine Department and other related authorities.*
- 5) *Offshore workers such as in oil platforms, Floating Storage and Offloading (FSO), Floating, Production, Storage and Offloading (FPSO) or equivalent shall undergo **body temperature screening** before being permitted to pass through Kemaman Port entrance or the related terminal and subjected to the authorization of Immigration Department of Malaysia, Medical Officer and any related agencies.*
- 6) *All parties involved in port activities are advised to follow **the health care measures** recommended by the Ministry of Health Malaysia.*

- 7) Pekeliling ini dikemaskini pada 20 Mac 2020 dan hendaklah dibaca seiring dengan MSN 02/2020 (dengan Annex yang terkini), arahan semasa oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan apa-apa arahan terkini oleh Kerajaan Malaysia.
- 7) *This circular is updated on 20 March 2020 and shall be read in accordance with MSN 02/2020 (with the latest Annex), latest instructions by Immigration Department of Malaysia and any latest instructions by the Government of Malaysia.*